

# Amerika puji sikap 'sabar' pentadbiran Dr Mahathir

BH 11 FEB 1988

WASHINGTON, Rabu (Bernama-AFP) — Jabatan Negara Amerika pada amnya memuji Malaysia di bidang hak kemanusiaan dengan berkata: "Sehingga akhir 1987, pentadbiran Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir agak bersabar menggunakan perundangan keselamatan dalam negeri Malaysia terhadap kesalahan politik."

Hal ini terkandung dalam laporan tahunan jabatan itu mengenai hak kemanusiaan di dunia.

Tetapi laporan itu berkata, kerajaan Malaysia menahan 106 orang, menutup tiga akhbar dan mengharamkan perhimpunan awam di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri akhir Oktober dan awal November lalu, 'dalam usaha yang menurutnya perlu demi mengelakkan pergaduhan kaum yang serius.'

Laporan itu berkata, keadaan hak kemanusiaan di kalangan anggota Asean, pada amnya baik di sepanjang 1987, melainkan di Filipina yang kerajaannya digugat oleh haluan kiri dan kanan.

Mengenai Indonesia, Jabatan Negara berkata: "Pada 1987, walaupun pencabulan terhadap hak kemanusiaan berterusan, namun keadaan baik dicapai di beberapa bidang. Ini termasuklah pembebasan daripada tahanan ramai penduduk Timur Timor yang sebelum ini disyaki menyokong kega-

nasan yang dilakukan secara kecil-kecilan.'

"Di pihak negatifnya, laporan terus diterima mengenai penyalahgunaan kuasa oleh polis terhadap banduan yang antaranya membawa kepada kematian, dasar 'menembak untuk mencederakan' ke atas orang yang disyaki penjenayah... tuduhan kehilangan orang, dan menghadkan kebebasan akhbar dan pergerakan."

Laporan itu berkata: "Walaupun kerajaan secara rasminya tidak menyetujui penyeksaan dan layanan buruk, tetapi laporan selalu diterima bahawa hal itu berlaku."

Mengenai Singapura, jabatan itu memujinya kerana menghormati hak manusia, tetapi mengecamnya kerana menggunakan kawalan ketat ke atas akhbar asing dan dalam negeri.

"Kerajaan melaksanakan sekatan keras terhadap pagedaran majalah Far Eastern Economic Review, akhbar Asian Wall Street dan Asiaweek pada 1987 kerana 'terbabit dalam politik dalam negeri Singapura.'

Mengenai Thailand, laporan itu berkata: "Sepanjang 1987, rakyat Thailand terus menikmati kebebasan awam dan politik yang luas," dan akhbar negara itu 'adalah antara yang paling bebas di Asia.'